

Telefon : 088-257111
Faks : 088-212655
E-mail : bn.jbn@sabah.gov.my



JABATAN BENDAHARI NEGERI
Wisma Kewangan
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

RUJ: JBN No. (A) 100-0/3585/B/(89)

02 Disember 2003

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil
Semua Bendahari Daerah

Tuan/Puan,

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL 09 TAHUN 2003
NOMBOR AKAUN BANK

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tentang keperluan mencatatkan Nombor Akaun Bank di setiap baucar bayaran.

2. LATARBELAKANG

Keperluan untuk mencatat Nombor Akaun Bank di baucar bayaran adalah untuk mengelak daripada kejadian di mana pembayaran ditujukan kepada syarikat/individu tersalah bayar akibat daripada nama yang sama atau penggunaan lesen syarikat/pemborong yang sama oleh individu yang berlainan. Ianya juga adalah satu ciri keselamatan dan membantu pihak bank mengkreditkan cek kepada empunya.

3. PENGUATKUASAAN

Bermula dari **Tahun Kewangan 2004**, semua baucar bayaran hendaklah dicatat Nombor Akaun Bank. Baucar bayaran tanpa Nombor Akaun Bank hendaklah dikembalikan untuk pembetulan ke pejabat asal. Penggunaan SISVOT juga telah memberi ruang untuk memasukkan data seperti Nombor Akaun Bank.

4. KELONGGARAN

Kelonggaran dari Arahan ini hanya akan diberi kepada bayaran di bawah Skim Bantuan Orang Tua.

5. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa pada **1hb Januari, 2004** bagi baucar bayaran Tahun Kewangan 2004.

6. PENUTUP

Jika ada sebarang kemusykilan dalam pelaksanaan pekeliing ini, sila berhubung dengan Penolong Bendahari Negeri, Bahagian Penyemakan, Penerimaan dan Pembayaran melalui telefon 088-252447 atau Akauntan Penyemakan Baucar melalui telefon 088-257111 (3006) atau 088-222866.

Sekian, harap maklum.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH'



(DATUK PHILIP N. K. CHIU)
Bendahari Negeri

s.k. Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan
Wisma Kewangan
88595 Kota Kinabalu

Pengarah Audit Negeri
Jabatan Audit Negara, Cawangan Sabah
Tingkat 6, Bangunan Persekutuan
88518 Kota Kinabalu

Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Jalan Sembulan
Peti Surat 128
88592 Kota Kinabalu
(u/p : Encik Denis Mijin)

s.k. Pengarah
Jabatan Pertanian
Menara Khidmat
Beg Berkunci No. 2050
88632 Kota Kinabalu
(u/p : Cik Phak Shiu Len)

Pengarah
Jabatan Perhutanan
Beg Berkunci No. 68
90009 Sandakan
(u/p : Encik Rusdin Riman)

Pengarah
Jabatan Tanah dan Ukur
Beg Berkunci No. 2044
88576 Kota Kinabalu
(u/p : Encik John Angelo)

BB/hr